

18 AUG 1996

INTERAKSI ANTARA MALAYSIA-TURKI AKAN DITINGKATKAN, KATA PM

KUALA LUMPUR, 18 Ogos (Bernama) -- Interaksi antara Turki dan Malaysia akan ditingkatkan pada masa depan berikutan lawatan Perdana Menteri Turki Prof Dr Necmettin Erbakan, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Dr Mahathir berkata beliau dan rakan sejawatannya itu telah mewujudkan hubungan yang baik dan kedua-dua mereka berkongsi pendapat serupa dalam kebanyakan isu terutama isu antarabangsa.

Semasa bercakap kepada pemberita selepas mengiringi Prof Dr Erbakan melawat Institut Kefahaman Islam Malaysia di sini, Dr Mahathir menyifatkan lawatan Perdana Menteri Turki itu sebagai berhasil.

Turki dan Malaysia telah mengadakan hubungan dua hala dalam banyak bidang termasuk perdagangan, kata Dr Mahathir.

Hari ini ialah hari terakhir lawatan rasmi tiga hari Dr Erbakan ke negara ini. -- BERNAMA

JM RON